

TAWARAN HARGA

SEBUTHARGA BIL. 3/2020:  
PERKHIDMATAN MENGURUS & MENYELARAS PELAKSANAAN LATIHAN SERTA  
MENAMBAHBAIK & MENGGUBAL MODUL LATIHAN UNTUK  
PROGRAM TUNAS USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA (TUBE) &  
TUNAS USAHAWAN BAITULMAL (TUB)

---

LATAR BELAKANG

OBJEKTIF PROGRAM

- 1) Memupuk dan menanam semangat keusahawanan di kalangan belia;
- 2) Anjakan paradigma belia daripada pekerja (makan gaji) kepada pemilik / pengusaha perniagaan; dan
- 3) Membentuk daya tahan dan jati diri di kalangan belia dalam mengendalikan perniagaan sendiri.

FASA LATIHAN DI BAWAH PROGRAM

Latihan di bawah Program ini melibatkan dua (2) Fasa seperti berikut :

**Fasa 1 : Latihan Menguji Kecekalan Minda & Daya Tahan Fizikal**

- Fasa 1 akan melibatkan maksimum lima (5) hari latihan fizikal (outdoor).
- Aktiviti di Fasa ini melibatkan latihan fizikal asas bercirikan *bootcamp* (ala ketenteraan) untuk menguji kecekalan minda, mempelajari cara membuat keputusan strategik, keberanian, menyerlahkan ciri kepimpinan, kerja berpasukan dan menguji daya tahan fizikal para peserta sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran yang bakal dihadapi semasa menjalankan perniagaan.

Tentatif Program (tertakluk kepada pindaan)

Hari 1 - Pendaftaran dan Sesi *Ice-Breaking*  
Hari 2 - 6 - Latihan fizikal berkumpulan  
Hari 7 - Rehat

- Penyebutharga perlu bekerjasama dengan Penyedia Perkhidmatan lain yang akan dilantik oleh SME Corp. Malaysia.

## **Fasa 2 : Latihan bagi Meningkatkan Pengetahuan Terhadap Operasi Perniagaan yang Berkesan**

- Fasa 2 akan melibatkan 14 hari (maksimum) latihan di dalam kelas (*indoor*).
- Di Fasa 2 ini, peserta akan didedahkan dengan lanskap perniagaan terkini termasuk maklumat mengenai jenis bantuan dan kemudahan yang disediakan untuk memulakan perniagaan. Para peserta akan belajar cara untuk merancang dan menjalankan perniagaan, asas perakaunan, pemasaran produk dan perkhidmatan serta pembentangan idea / konsep perniagaan (*business model*).
- Para peserta perlu menyiapkan satu pembentangan perniagaan. Contohnya Rancangan Perniagaan (RP) / *Business Model Canvas (BMC)* dan membentangkan kepada Panel Penilai pada akhir Program. Hanya peserta yang melepasi Fasa 1 dan Fasa 2 sahaja, yang akan mengikuti Fasa 3 (bimbingan perniagaan).

### Tentatif Program (tertakluk kepada pindaan)

Hari 8	-	Majlis Perasmian
Hari 9	-	Taklimat pengenalan TUBE Fasa 2 dan sesi motivasi
Hari 10 - 19	-	Pembelajaran Modul Latihan
Hari 20	-	<i>Pitching</i> / Pembentangan Perniagaan
Hari 21	-	Upacara Penutup dan Penyampaian Sijil

- Bagi Peserta OKU di bawah Program TUBE & TUB , silibus modul latihan adalah sama cuma tiada Fasa 1 (Latihan Menguji Kecekalan Minda & Daya Tahan Fizikal) akan dilaksanakan. Keseluruhan 21 hari latihan adalah merupakan Fasa 2 dengan tahap modul latihan yang lebih rendah.
- Bagi Sebutharga ini, Penyebutharga akan terlibat dalam mengurus, melaksana dan menyelaras pelaksanaan latihan serta menambahbaik dan menggubal modul latihan untuk:
  - i) Peserta Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dan Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) tahun 2020; dan
  - ii) Peserta OKU Program TUBE & TUB.
- Di bawah Program TUBE, peserta adalah belia di bawah usia 30 tahun. Di bawah program TUB, peserta adalah golongan asnaf (ibu / bapa / anak) yang mendapat bantuan di bawah Majlis / Jabatan Agama Islam Negeri dan **TIDAK tertakluk** dengan definisi umur belia.

## BUTIRAN JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM

Bagi tahun 2020, latihan di bawah Program ini akan dilaksanakan secara 2 *batches* di seluruh negara melibatkan anggaran maksimum seramai 1,200 peserta termasuk di Sabah dan Sarawak seperti berikut :

<b>Batch</b>	<b>Jangkaan Pelaksanaan*</b>	<b>Bilangan Lokasi*</b>	<b>Anggaran Peserta (60 pax) Tenaga Pengajar (20 pax)*</b>
Batch 1	28 Jun - 18 Julai	10 lokasi	80 orang / lokasi
		1 lokasi (OKU)	80 orang (OKU)
Batch 2	27 Sept -17 Okt	10 lokasi	80 orang / lokasi

\* *Tertakluk pindaan.*

\* *Tenaga Pengajar, termasuk petugas daripada pegawai SME Corp. Malaysia.*

**BUTIRAN TERPERINCI TAWARAN HARGA**

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>HARGA DITAWARKAN (RM)</b>	<b>CATATAN **</b>
1.	<b>MENGURUS, MELAKSANA DAN MENYELARAS KESELURUHAN LATIHAN FASA 2 PROGRAM TUBE &amp; TUB</b>		
	1.1 Menyedia dan memastikan sumber tenaga yang mencukupi dan berkeupayaan untuk bertugas di setiap lokasi latihan untuk tempoh maksimum 14 hari.		
	1.2 Menyedia dan memastikan sumber tenaga yang mencukupi dan berkeupayaan untuk bertugas di lokasi latihan peserta OKU untuk tempoh maksimum 21 hari.		
	1.3 Menyediakan seorang wakil Penyebutharga di setiap lokasi latihan untuk berurusan dengan SME Corp. Malaysia dan pihak-pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia.		
	1.4 Menyediakan seorang wakil Penyebutharga yang bertanggungjawab ( <i>Person In-Charge</i> ) bagi berurusan berkenaan semua skop kerja dengan SME Corp. Malaysia.		
2.	<b>MENGGUBAL MODUL LATIHAN TERMASUK MODUL UNTUK PESERTA GOLONGAN OKU DAN ASNAF</b> - <i>Modul akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia</i>		
	2.1 Menggubal modul latihan (maksimum 16 modul) berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia		

BIL.	BUTIRAN	HARGA DITAWARKAN (RM)	CATATAN **
	2.2 Menggubal tambahan tiga (3) modul baharu, tertakluk kepada keperluan dan perubahan yang dicadangkan oleh SME Corp. Malaysia.		
	2.3 Menyediakan satu (1) video pendek berkenaan latihan keusahawanan peringkat permulaan yang meliputi antaranya kaedah penyampaian modul latihan yang berdurasi maksimum dua (2) minit. Video perlu dikemukakan bersama tawaran yang dikemukakan, dan akan turut dibentangkan kepada SME Corp. Malaysia sewaktu pembentangan teknikal.		
3.	<b>PENGURUSAN DAN PENYELARASAN PELAKSANAAN LATIHAN DI SEMUA LOKASI</b>		
	3.1 Menyedia sejumlah Tenaga Pengajar dan Fasilitator yang mencukupi dan berkeupayaan untuk bertugas di semua lokasi. (Tenaga Pengajar dan fasilitator perlu mengikuti Sesi <i>Training of Trainers (ToT)</i> yang diadakan sebelum Program berlangsung)		
	3.2 Membuat dan menguruskan pembayaran kepada tenaga pengajar atau penceramah lain yang dipilih oleh SME Corp. Malaysia bagi topik khusus (tidak melebihi 3 penceramah).		
	3.3 Mengurus, menyelaras dan menjalankan urusan logistik dan makan / minum bagi Sesi <i>Training of Trainers (ToT)</i> kepada Tenaga Pengajar dan Fasilitator. (Sesi <i>ToT</i> turut melibatkan 30 petugas SME Corp. Malaysia)		

BIL.	BUTIRAN	HARGA DITAWARKAN (RM)	CATATAN **
	<p>3.4 Menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan peralatan mengajar untuk Sesi ToT (dicetak depan &amp; belakang) di dalam folder keras (<i>ring file</i>).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekiranya dalam bentuk slaid, format adalah 1 muka surat mengandungi 2 slaid.</li> <li>- 5 salinan berwarna untuk SME Corp. Malaysia.</li> <li>- <i>Softcopy</i> bahan-bahan pembelajaran juga perlu diserahkan kepada SME Corp. Malaysia.</li> </ul>		
	<p>3.5 Mengemukakan <i>soft copy</i> modul latihan kepada pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia untuk cetakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peralatan pembelajaran asas seperti kertas A4, kertas mahjung, <i>sellotape</i>, <i>flip chart &amp; stand</i>, stapler, marker (merah, biru, hitam) akan disediakan oleh pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia.</li> </ul>		
	<p>3.6 Menguruskan aktiviti lapangan bagi menerapkan nilai keusahawanan, kreativiti serta persaingan di kalangan peserta. (jika melibatkan pengangkutan, ia akan disediakan oleh pihak lain yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia).</p>		
	<p>3.7 Menyedia dan menyelaras jadual berdasarkan modul latihan yang telah dimuktamadkan untuk semua lokasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jadual adalah termasuk slot rakan strategik. Senarai rakan strategik akan dimaklumkan oleh SME Corp. Malaysia.</li> </ul>		

BIL.	BUTIRAN	HARGA DITAWARKAN (RM)	CATATAN **
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyebutharga perlu membuat jemputan dan mengesahkan kehadiran slot rakan strategik berdasarkan senarai yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.</li> </ul>		
	<p>3.8 Membantu memilih dan menyelaraskan Panel yang terdiri daripada pihak Tenaga Pengajar dan Fasilitator semasa Sesi Pitch2Match iaitu pembentangan perniagaan peserta. Contohnya Rancangan Perniagaan (RP) atau <i>Business Model Canvas (BMC)</i>.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan Panel adalah tertakluk kepada jumlah akhir peserta di lokasi latihan.</li> </ul>		
	<p>3.9 Mengubahsuaikan Borang Maklumbalas sedia ada, mencetak dan mengedarkan borang tersebut kepada peserta bagi menilai keberkesanan latihan yang dijalankan.</p>		
	<p>3.10 Mengumpul, menganalisa dan menghantar laporan analisis maklumbalas yang diperolehi tidak lewat daripada 14 hari bekerja dari tarikh akhir program latihan kepada SME Corp. Malaysia.</p>		
<p>4.</p>	<p><b><u>HAL-HAL LUAR JANGKA (KONTIGENSI)</u></b></p> <p>4.1 Penyebutharga mampu untuk membuat perubahan kaedah pembelajaran berdasarkan fasilitasi dan kemudahan yang ada di lokasi latihan.</p>		<p>(sila nyatakan satu jumlah harga yang bersesuaian bagi item 4.1 – 4.2 mengikut anggaran Penyebutharga tetapi <u>tidak melebihi 10 peratus</u> daripada jumlah keseluruhan tawaran harga)</p>

BIL.	BUTIRAN	HARGA DITAWARKAN (RM)	CATATAN **
4.2	Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa.		
<b>JUMLAH TANPA CUKAI</b>			
<b>CUKAI JUALAN &amp; PERKHIDMATAN (SST) *</b>			
* wajib mengemukakan pendaftaran Kastam jika mengenakan SST			
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			

\*\* sila nyatakan di ruangan ini sekiranya terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran harga yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

### **NOTA PENTING:**

1. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan Petugas dan / atau Pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh program. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.
3. Kos penginapan dan makan/minum bagi Tenaga Pengajar dan Fasilitator di lokasi latihan adalah ditanggung oleh SME Corp. Malaysia sepanjang tempoh latihan.
4. Memandangkan latihan akan dilaksanakan secara berperingkat (2 *batches*), Penyebutharga boleh ditamatkan perkhidmatannya sekiranya penyampaian perkhidmatan semasa melaksanakan Batch pertama adalah tidak memuaskan / tidak mencapai standard SME Corp. Malaysia.



5. Penyebutharga yang mengemukakan tawaran akan membuat pembentangan teknikal kepada SME Corp. Malaysia, sekiranya perlu.
6. Penyebutharga perlu bekerjasama dengan semua pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia sepanjang Program latihan berlangsung.

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 3/2020.**

.....  
Nama :  
Jawatan :  
Tarikh :  
Cop Syarikat :